

**SOALAN NO: 105**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY**  
**[KAPAR]**  
**TARIKH : 27 JULAI 2017**  
**SOALAN : 105**

**YB Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

(a) apakah perkembangan dan status mengenai warta tanah berkenaan pembinaan hospital di Parlimen Kapar. Apakah kekangan dan halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan untuk memulakan pembinaan Hospital di Parlimen Kapar; dan

(b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar Baru yang akan menggantikan Klinik Kesihatan Lama di bawah RP3, RMK-10. Bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan penambahbaikan ini dan anggaran tarikh penyelesaian projek ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

(a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memanjangkan permohonan mendapatkan laporan pengesahan status tanah kepada JKPTG Negeri Selangor pada 20 April 2017. Berdasarkan surat JKPTG Selangor bertarikh 7 Jun 2017, pihaknya mengesahkan bahawa tanah masih dimiliki oleh Sime Darby. Sehubungan dengan itu, KKM hanya boleh mengemukakan permohonan pemberimilikan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) setelah urusan penyerahan tanah tersebut oleh Sime Darby kepada Kerajaan Negeri selesai.

(b) Tawaran tender bagi Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Kapar, Klang, Selangor telah dibuka pada 27 Mac 2017 dan ditutup pada 18 April 2017. Surat Setuju Terima dijangka akan dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada petender yang berjaya pada 25 Julai 2017. Kerja-kerja dijadualkan dimulakan di tapak pada 25 Ogos 2017 dengan tempoh penyiapan selama 3 tahun (25 Ogos 2020).